

**UCAPAN  
YAB DATO' SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI  
DI MAJLIS MALAM ANUGERAH INDUSTRI KOMODITI 2005  
DI SUNWAY LAGOON RESORT HOTEL  
10 OGOS 2005**

-----

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YB DATUK PETER CHIN  
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

DIF-DIF JEMPUTAN

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAN KURNIA DAN IZINNYA, DAPAT KITA BERTEMU DAN BERKUMPUL PADA MALAM INI. SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI KERANA TELAH SUDI MENJEMPUT SAYA KE MAJLIS MALAM ANUGERAH INDUSTRI KOMODITI 2005 INI. SYABAS JUGA DIUCAPKAN KEPADA PIHAK KEMENTERIAN DI ATAS INISIATIF MENGANJURKAN PROGRAM MINGGU KOMODITI INI BUAT JULUNG-JULUNG KALINYA PADA TAHUN INI.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

2. ALHAMDULILLAH, SECARA KESELURUHANNYA SEKTOR PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI TELAH MENUNJUKKAN KEMAJUAN YANG MENGGALAKKAN. PADA TAHUN 2004, EKSPORT KOMODITI DAN PRODUK BERASAKAN KOMODITI TELAH MENCAPAI 63 BILION RINGGIT, IAITU PENINGKATAN SEBANYAK TIGA KALI GANDA JIKA DIBANDINGKAN DENGAN JUMLAH EKSPORT PADA TAHUN 1990.

3. SESUNGGUHNYA KERAJAAN BERHASRAT UNTUK MEMAJUKAN DAN MENCORAKKAN SEMULA SEKTOR PERTANIAN SEBAGAI JENTERA KETIGA PERTUMBUHAN EKONOMI SELEPAS SEKTOR PEMBUATAN DAN PERKHIDMATAN. TRANSFORMASI SEKTOR PERTANIAN KE ARAH YANG LEBIH DINAMIK DAN BERDAYA SAING BERTUJUAN UNTUK MENINGKATKAN SUMBANGAN SEKTOR INI KEPADA EKONOMI SERTA UNTUK MENAMBAH PENDAPATAN GOLONGAN PETANI, TERMASUK DI KALANGAN PEKEBUN KECIL. DI SAMPING ITU, KERAJAAN BERHARAP AGAR PERGANTUNGAN TERHADAP BARANGAN IMPORT, TERUTAMANYA BAHAN MAKANAN, DAPAT DIKURANGKAN DALAM JANGKA MASA PANJANG.

4. KERAJAAN BERPENDAPAT BAHAWA LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL UNTUK MEMAJUKAN SEKTOR PERTANIAN IALAH DENGAN MENGGALAKKAN PERTANIAN SECARA KOMERSIL – MELALUI AMALAN KAEDAH TERKINI SEPERTI APLIKASI TEKNOLOGI DAN PENEMUAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D), TERMASUK PENGGUNAAN BIOTEKNOLOGI. DALAM HUBUNGAN INI, KITA TIDAK PERLU PERGI JAUH UNTUK MENDAPATKAN SATU RANGKA ATAU “MODEL” BAGI MEMAJUKAN SEKTOR PERTANIAN SECARA KESELURUHANNYA. KITA BOLEH BELAJAR DAN MENGAMBIL CONTOH DARIPADA KEMAJUAN DAN PERKEMBANGAN YANG TELAH DICAPAI OLEH SEKTOR PERLADANGAN DAN KOMODITI NEGARA, TERUTAMANYA KELAPA SAWIT.

5. TANAMAN KELAPA SAWIT DI MALAYSIA MERUPAKAN “GOLDEN CROP” YANG BOLEH DIJADIKAN TAULADAN DALAM USAHA MEMAJUKAN TANAMAN-TANAMAN LAIN DI DALAM NEGARA. DARI SEGI KELUASAN, TANAMAN KELAPA SAWIT TELAH MENINGKAT SEBANYAK 70 KALI GANDA DARI 54,000 HEKTAR PADA TAHUN 1960 KEPADA 3.8 JUTA HEKTAR PADA TAHUN 2004. PADA MASA INI, EKSPORT MINYAK SAWIT DAN HASIL KELUARAN SAWIT TELAH MENCAPAI 30 BILION RINGGIT SETAHUN, IAITU SUMBER PENDAPATAN EKSPORT KEDUA TERBESAR NEGARA SELEPAS PRODUK ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK.

6. WALAUPUN BEGITU, KERAJAAN SEDAR MASIH TERDAPAT BANYAK RUANG UNTUK LANGKAH PENAMBAHBAIKAN DIAMBIL, TERUTAMANYA DARI SEGI USAHA MENINGKATKAN TARAF SOSIO-EKONOMI PARA PEKEBUN KECIL DI LUAR BANDAR. DI SAMPING USAHA YANG DILAKSANAKAN OLEH PIHAK KERAJAAN SECARA BERTERUSAN, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENYERU KEPADA PIHAK SWASTA, TERUTAMANYA SYARIKAT PERLADANGAN BESAR, AGAR TURUT MEMAINKAN PERANAN BAGI MEMBANTU MENINGKATKAN PRODUKTIVITI PARA PEKEBUN KECIL. SEBAGAI CONTOH, SYARIKAT PERLADANGAN BESAR BOLEH MEMBANTU PARA PEKEBUN KECIL SETEMPAT DENGAN MENYEDIAKAN BEKALAN BENIH YANG BERKUALITI DAN MEMBERIKAN KHIDMAT NASIHAT KEPADA MEREKA. DI SAMPING ITU, APABILA TANAMAN TELAH MENGELUARKAN HASIL, SYARIKAT PERLADANGAN BESAR BOLEH MEMBANTU DARI SEGI PEMASARAN KELUARAN ATAU MEMBELI TERUS HASIL BERKENAAN BAGI TUJUAN PEMROSESAN.

7. PADA PANDANGAN SAYA, HUBUNGAN KERJASAMA YANG DIJALIN DI ANTARA PEKEBUN KECIL DAN SYARIKAT PERLADANGAN AKAN MENGUNTINGKAN KEDUA BELAH PIHAK JIKA DILAKSANAKAN DENGAN SEMPURNA. PEKEBUN KECIL AKAN MENDAPAT MANFAAT MENINGKATKAN PRODUKTIVITI, KELUARAN DAN PENDAPATAN MEREKA, MANAKALA SYARIKAT PERLADANGAN BESAR AKAN MEMPEROLEHI BEKALAN BAHAN MENTAH KOMODITI YANG BERKUALITI SECARA BERTERUSAN. PENDEKATAN “PROSPER THY NEIGHBOUR” SEPERTI INI, JIKA DILAKSANAKAN SECARA MELUAS DAN DENGAN TERSUSUN, AKAN MEWUJUDKAN “WIN-WIN SITUATION” DAN MEMBERI IMPAK YANG BESAR KEPADA KEDUA-DUA BELAH PIHAK.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

8. KITA HARUS SEDAR BAHAWA EKONOMI DUNIA SEDANG MENGALAMI PROSES GLOBALISASI DAN LIBERALISASI PERDAGANGAN YANG PESAT. JUSTERU ITU,

SALAH SATU CABARAN YANG KINI DIHADAPI OLEH SEKTOR KOMODITI DI MALAYSIA IALAH BAGAIMANA UNTUK TERUS MENINGKATKAN DAYA SAING SEKTOR INI DI PASARAN GLOBAL. DALAM HAL INI, SAYA INGIN MENEKANKAN BAHAWA USAHA DAN LANGKAH BAGI MENINGKATKAN DAYA SAING SEKTOR INI HENDAKLAH DILAKSANAKAN PADA KESELURUHAN RANTAIAN NILAI ATAU "VALUE CHAIN" INDUSTRI, IAITU MELIPUTI KEDUA-DUA PERINGKAT AKTIVITI HULUAN ("UPSTREAM") DAN JUGA HILIRAN ("DOWNSTREAM").

9. DI PERINGKAT "UPSTREAM", ANTARA PERKARA PENTING YANG PERLU DIBERI PERHATIAN IALAH KEPERLUAN MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN KECEKAPAN SERTA MENGURANGKAN KOS PENGELUARAN. USAHA BERTERUSAN HARUS DIAMBIL BAGI MENINGKATKAN PRODUKTIVITI PENGELUARAN TANAMAN KOMODITI. MEMANDANGKAN KELUASAN TANAH NEGARA TERHAD, LANGKAH PENINGKATAN PRODUKTIVITI HARUSLAH DITUMPUKAN KEPADA USAHA MENAMBAH HASIL ATAU "YIELD" PENGELUARAN.

10. DI SAMPING ITU, SALAH SATU MASALAH YANG DIHADAPI OLEH SEKTOR PERTANIAN DI NEGARA KITA IALAH KEKURANGAN TENAGA KERJA, TERUTAMANYA DI KALANGAN GENERASI MUDA. KEADAAN INI MENYEBABKAN NEGARA PERLU BERGANTUNG KEPADA TENAGA KERJA ASING. MENGIKUT STATISTIK, SEHINGGA BULAN MEI 2005 TERDAPAT LEBIH 1.6 JUTA PEKERJA ASING, DI MANA 27 PERATUS DARINYA BEKERJA DI SEKTOR PERLADANGAN.

11. SEBAGAI LANGKAH MENGURANGKAN PERGANTUNGAN KEPADA TENAGA KERJA, SAYA INGIN MELIHAT TAHAP MEKANISASI PENGURUSAN ESTET DIPERTINGKATKAN DI SELURUH MALAYSIA. USAHA PERLU DIAMBIL UNTUK MENINGKATKAN PENGGUNAAN JENTERA DAN KELENGKAPAN MODEN DALAM OPERASI HARIAN LADANG SEBAGAIMANA DIAMALKAN DI BEBERAPA NEGARA MAJU. PADA MASA YANG SAMA, PENGURUSAN LADANG BERSKALA BESAR DAN SECARA KOMERSIL MELALUI PENGGABUNGAN KEBUN-KEBUN KECIL HENDAKLAH JUGA DIAMALKAN. KERAJAAN AKAN MEMPERTIMBANGKAN PAKEJ BANTUAN DAN INSENTIF KEPADA PIHAK YANG MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM USAHA PENGABUNGAN TERSEBUT, SERTA MENYOKONG USAHA OPERASI LADANG MODEN BERKENAAN.

12. BAGI AKTIVITI-AKTIVITI "DOWNSTREAM", MALAYSIA JUGA MERUPAKAN PENGELUAR UTAMA DUNIA BAGI PRODUK BERASASKAN KOMODITI. ANTARA LAIN, NEGARA ADALAH PENGELUAR DAN PENGEKSPORT UTAMA PRODUK YANG TELAH DITAMBAH NILAI SEPERTI BAHAN OLEO-KIMIA, SARUNG TANGAN GETAH DAN PERABOT KAYU. USAHA MENGELUARKAN PRODUK BERASASKAN KOMODITI YANG ADA NILAI TAMBAH INI AKAN MEMPELBAGAIKAN KEGUNAAN DAN MENINGKATKAN PERMINTAANNYA, SERTA MENINGKATKAN HARGA BAHAN KOMODITI ASAS BERKENAAN.

13. BAGI MENINGKATKAN DAYA SAINGNYA, INDUSTRI BERASASKAN KOMODITI HARUS TERUS BERUSAHA MENGELUARKAN PRODUK-PRODUK BARU YANG INOVATIF, KOMPETITIF DAN BERORIENTASIKAN PASARAN. SEMENTARA ITU, INDUSTRI BERASASKAN KOMODITI HENDAKLAH JUGA DINAMIK, PROGRESIF DAN SENTIASA BERUSAHA MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAN KEMAMPUANNYA. INI

ADALAH BAGI MENJAMIN PRODUK YANG DIKELUARKAN DAPAT MEMENUHI CITA RASA, KEPERLUAN DAN PERMINTAAN PENGGUNA, SAMA ADA DI PASARAN DOMESTIK MAHUPUN ANTARABANGSA. SEBAGAI CONTOH, SYARIKAT PENGELUAR PERABOT HARUS MENINGKATKAN KEUPAYAAN MEREKA DARI SEGI REKA BENTUK PRODUK DAN JUGA PEMBANGUNAN JENAMA. MEREKA TIDAK HARUS BERPUASHATI DENGAN HANYA MENJADI PENGELUAR ORIGINAL EQUIPMENT MANUFACTURER (O.E.M.), TETAPI SETERUSNYA BERIKHTIAR MENCAPAI TAHAP "OWN DESIGN MANUFACTURER" (O.D.M.) DAN SETERUSNYA, "OWN BRAND MANUFACTURER" (O.B.M.).

14. JUSTERU ITU, INDUSTRI KOMODITI HENDAKLAH MEMBERI PENEKANAN KEPADA PENINGKATAN KEUPAYAAN ATAU "CAPACITY ENHANCEMENT", TERMASUK DENGAN MENINGKATKAN TAHAP PENGGUNAAN TEKNOLOGI SERTA DENGAN MEMBERI TUMPUAN KEPADA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA. DARI SEGI PENGGUNAAN TEKNOLOGI, SAYA BERHARAP INDUSTRI KOMODITI AKAN MENINGKATKAN LAGI KECEKAPAN OPERASINYA DAN MEMPERBAIKI AKSES PASARANNYA DENGAN MENGGUNAPAKAI AMALAN PERDAGANGAN BERASASKAN TEKNOLOGI, TERMASUK PERDAGANGAN SECARA ELEKTRONIK ("E-COMMERCE").

15. SELAIN BERUSAHA MEMBANGUNKAN TEKNOLOGI PERLADANGAN SECARA DALAMAN MELALUI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MASING-MASING, INDUSTRI KOMODITI JUGA DIGALAKKAN MEWUJUDKAN RANGKAIAN KERJASAMA DENGAN INSTITUSI PENYELIDIKAN AWAM SEPERTI LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (M.P.O.B.) DAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA (L.G.M.). KITA SEHARUSNYA BERBANGGA KERANA KEDUA-DUA AGENSI TERSEBUT DIKENALI DI SELURUH DUNIA BERPUNCA DARI KECEMERLANGAN USAHA R&D MEREKA YANG TELAH DI JALANKAN SELAMA INI.

16. SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA PARA PENYELIDIK TEMPATAN YANG TELAH BERJAYA MENGHASILKAN PENEMUAN PRODUK DAN TEKNOLOGI BARU DI SEKTOR KOMODITI INI. SAYA BERHARAP SAUDARA-SAUDARI AKAN TERUS MELIPATGANDAKAN USAHA R&D SAUDARA-SAUDARI. SAYA JUGA INGIN MENYERU KEPADA PIHAK INDUSTRI UNTUK MENINGKATKAN LAGI AKTIVITI PENGKOMERSILAN HASIL PENYELIDIKAN YANG TELAH DITEMUI SELAMA INI. CONTOHNYA, DI BIDANG BIOTEKNOLOGI, M.P.O.B. DAN L.G.M., ANTARA LAIN, TELAH BERJAYA MENGHASILKAN ANTI-OXIDANT BAGI RAWATAN KANSER DARI BAHAN KUMBAHAN KILANG KELAPA SAWIT DAN EKSTRAK PROTEIN DARI GETAH ASLI BAGI PEMBUATAN PRODUK FARMASEUTIKAL. PENEMUAN-PENEMUAN SEPERTI INI HARUS DIMANFAATKAN OLEH PIHAK INDUSTRI DENGAN BAIK, AGAR PRODUK-PRODUK BARU DAPAT DIHASILKAN BAGI PASARAN TEMPATAN DAN LUAR NEGERI.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

17. SEHINGGA KINI, KERAJAAN TELAH MENGENAL PASTI BEBERAPA BIDANG DAN PRODUK BARU YANG BERPOTENSI UNTUK DIMAJUKAN BAGI MEMPELBAGAIKAN SUMBER PERTUMBUHAN EKONOMI. SALAH SATU SUMBER PERTUMBUHAN BARU YANG DIKENALPASTI IALAH PENGELUARAN DAN PENGGUNAAN BIOFUEL BERASASKAN MINYAK SAWIT. PADA MASA INI, BIOFUEL MINYAK SAWIT TELAH

DIGUNAKAN DI BEBERAPA NEGARA KESATUAN EROPAH SEBAGAI BAHAN API UNTUK PENGANGKUTAN DAN INDUSTRI. DI NEGARA JERMAN, BIOFUEL DIGUNAKAN BAGI KERETAPI KOMERSIL DENGAN PRESTASI YANG BAIK. DI SAMPING ITU, HASILAN MINYAK SAWIT, SEPERTI STEARIN, JUGA DIGUNAKAN SEBAGAI BAHAN API UNTUK LOJI JANAKUASA DAN DANDANG.

18. PERMINTAAN PASARAN BAGI BIOFUEL MINYAK SAWIT INI ADALAH AMAT MENGGALAKKAN. PADA TAHUN 2004, PERMINTAAN BAGI BIOFUEL DUNIA IALAH SEBANYAK 2.5 JUTA TAN DAN DIJANGKA MENINGKAT PADA KADAR 25 PERATUS SETAHUN. MENYEDARI POTENSI BIOFUEL YANG TINGGI, KERAJAAN SEDANG MENGAMBIL LANGKAH UNTUK MENGELUAR DAN MENGGUNAKAN BIOFUEL SECARA MELUAS.

19. JUSTERU ITU, SUKACITA SAYA MENGUMUMKAN DI SINI BAHAWA KERAJAAN SEDANG MERANGKA DASAR BIOFUEL NASIONAL BAGI TUJUAN MENGGALAKKAN PENGELUARAN DAN PENGGUNAAN BIOFUEL MINYAK SAWIT SEBAGAI SUMBER TENAGA ALTERNATIF YANG MESRA ALAM; DASAR INI JUGA DIJANGKA DAPAT MENSTABILKAN HARGA MINYAK SAWIT DI PARAS YANG TINGGI MELALUI PENINGKATAN PENGGUNAAN MINYAK SAWIT. DASAR BIOFUEL NASIONAL AKAN MENGANDUNGI TIGA TERAS STRATEGIK IAITU PENGELUARAN DAN PENGGUNAAN BIOFUEL UNTUK SEKTOR PENGANGKUTAN DAN INDUSTRI; PENGELUARAN BIOFUEL UNTUK TUJUAN EKSPORT, TERUTAMANYA BAGI PASARAN EROPAH; DAN PENGKOMERSILAN TEKNOLOGI BIOFUEL SEBAGAI TEKNOLOGI WATAN ATAU "HOME-GROWN TECHNOLOGY" OLEH M.P.O.B..

20. SEBAGAI PERMULAAN KEPADA DASAR BIOFUEL NASIONAL TERSEBUT, KERAJAAN BERHASRAT UNTUK MELAKSANAKAN LANGKAH-LANGKAH BERIKUT:

- PERTAMA, MENETAPKAN ADUNAN BIOFUEL YANG TERDIRI DARI 5 PERATUS MINYAK SAWIT DIPROSES DAN 95 PERATUS MINYAK DIESEL PETROLEUM (B5 BLEND);
- KEDUA, MENGGALAKKAN PENGGUNAAN BIOFUEL OLEH ORANG RAMAI SECARA PERCUBAAN. SEHUBUNGAN INI, SYARIKAT MINYAK AKAN DIMINTA BEKERJASAMA DENGAN M.P.O.B. MEWUJUDKAN STESEN-STESEN PAM MINYAK PERINTIS;
- KETIGA, MEMBANGUNKAN PIAWAIAN ATAU STANDARD BAGI 'DIESEL BARU' OLEH SIRIM; DAN
- KEEMPAT, MENUBUHKAN LOJI KOMERSIL BIOFUEL MINYAK SAWIT DI LABU, NEGERI SEMBILAN BAGI TUJUAN EKSPORT.

21. DALAM JANGKAMASA SEDERHANA, LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN DASAR BIOFUEL NASIONAL AKAN MELIPUTI PENGGUBALAN AKTA INDUSTRI BIOFUEL NEGARA SERTA PEWUJUDAN PELBAGAI INSENTIF. PENUBUHAN LOJI DEMONSTRASI BAGI MENGELUARKAN BIOFUEL UNTUK IKLIM SEJUK, PERLANTIKAN SYARIKAT PERLADANGAN UNTUK MEMBEKALKAN MINYAK SAWIT BAGI PENGELUARAN BIOFUEL MINYAK SAWIT SECARA KONSISTEN, DAN PEMBERIAN WARANTI SYARIKAT KENDERAAN KEPADA ENJIN KELUARAN MEREKA YANG MENGGUNAKAN BIOFUEL MINYAK SAWIT JUGA DICADANGKAN. DENGAN ITU, SAYA BERHARAP RAKYAT AKAN MENYAMBUT BAIK LANGKAH INI DAN MENGGUNAKAN BIOFUEL BAGI

MENGURANGKAN PENGGUNAAN DIESEL YANG BERHARGA TINGGI SERTA MENYUMBANG KEPADA PEMULIHARAAN DAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR NEGARA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

22. SEBELUM SAYA MENGAKHIRI UCAPAN SAYA, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA SEMUA PEMENANG ANUGERAH KOMODITI DALAM PELBAGAI KATEGORI PADA MALAM INI. ANUGERAH YANG DITERIMA SEHARUSNYA DIJADIKAN PEMANGKIN BAGI MENINGKATKAN LAGI TEKAD DAN SEMANGAT UNTUK TERUS BERUSAHA DI BIDANG MASING-MASING BAGI TUJUAN MENCAPAI KEJAYAAN YANG LEBIH MEMBANGGAKAN DI MASA AKAN DATANG. KITA SEHARUSNYA BERUSAHA UNTUK MENCAPAI TAHAP CEMERLANG, KEMUDIANNYA GEMILANG, DAN SETERUSNYA TERBILANG, DALAM APA SAHAJA BIDANG YANG KITA CEBURI. SAYA MENDOAKAN AGAR SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM SEKTOR PERLADANGAN DAN KOMODITI INI AKAN TERUS BEROLEH RAHMAT DAN MENDAPAT KEJAYAAN PADA MASA-MASA AKAN DATANG.

SEKIAN, TERIMA KASIH.